

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN :

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah perancangan menaiktaraf IPD Labuan yang berada dalam keadaan agak menyedihkan ketika ini. Adakah perancangan juga menaikkan gred Ketua Polis Labuan ketahap lebih tinggi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) WP Labuan, terdapat 3 buah balai polis yang berusia di bawah 10 tahun dan masih berkeadaan baik, selamat dan selesa untuk digunakan iaitu:

- i) Balai Polis Lubuk Temiang (2010);
- ii) Balai Polis Bebuluh (2011); dan
- iii) Balai Polis Ranca Ranca (2010).

Bagi tahun 2019, sebanyak RM170,000.00 di bawah peruntukan mengurus telah diperuntukkan kepada IPD WP Labuan dan Balai Polis Labuan yang terletak di dalam kawasan yang sama bagi kerja-kerja pembaikan berikut:

- i) Kerja-kerja pembaikan pejabat Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) di IPD WP Labuan dengan peruntukan sebanyak RM150,000.00; dan
- ii) Kerja-kerja pembaikan dan pendawaian elektrik di Pejabat Pegawai Penyiasat Bahagian Siasatan Komersil Daerah dengan peruntukan sebanyak RM20,000.00.

Untuk tahun 2019 juga, kuarters IPD WP Labuan Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM800,000.00 bagi penggantian dua (2) unit lif yang telah berusia 14 tahun dimana Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Jabatan Kerja Raya (JKR) telah pun melakukan pemeriksaan lif tersebut dan kerja-kerja penggantian akan dilakukan dalam masa yang terdekat. Pada masa ini, Ketua Polis Daerah Labuan adalah berpangkat Superintendan dan terdapat 378 perjawatan. KDN berpendapat jawatan tersebut pada masa ini adalah bersesuaian dan kajian sentiasa dibuat dari masa ke semasa untuk menaikkan gred yang lebih tinggi jika diperlukan.